



KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT AGIH SUMBANGAN KEPADA 50 KELUARGA

Sumbangan SWM Kasih kongsi kemeriahan Tahun Baharu Cina

KULAI, 28 JANUARI - SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) memulakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR), SWM Kasih bagi edisi tahun ini dengan meringankan beban 50 buah keluarga kurang berkemampuan membuat persediaan sambutan perayaan Tahun Baharu Cina melalui program SWM Kasih Misi Sampul Merah.

Sumbangan SWM Kasih berbentuk barangan keperluan harian dan perayaan Tahun Baharu Cina tersebut disalurkan keluarga daripada golongan rentan termasuk dalam kalangan warga emas, ibu tunggal dan miskin bandar melalui jalinan kerjasama dengan Pejabat Parlimen Kulai dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Desa Kulai.

Menurut Pengurus Besar Korporat, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin, SWM Kasih memberi peluang kepada warga SWM Environment menyantuni dan menyumbang kembali kepada golongan rentan di samping menjadi platform komunikasi, pendidikan dan kesedaran (CEPA) tentang pengurusan sisa pepejal dengan masyarakat setempat. Pada hari ini pihak SWM Environment turut berpeluang menyampaikan maklumat bermanfaat tentang kaedah pengurusan sisa pukat, sisa kebun dan kitar semula yang pada kebiasaannya meningkat menjelang sambutan perayaan.

Timbalan Menteri Komunikasi, Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching pula amat menyambut baik usaha berterusan pihak SWM Environment melalui entiti SWM Kasih tersebut dalam membantu golongan rentan yang mencerminkan nilai Ihsan seiring dengan teras konsep Malaysia Madani. Beliau yang juga Ahli Parlimen Kulai merakamkan penghargaan kepada pihak SWM Environment yang telah sekali lagi memilih Kulai sebagai destinasi penganjuran program SWM Kasih.

Dalam pada itu, beliau turut menyifatkan hubungan antara masyarakat setempat di negeri Johor dan SWM Environment amat dekat terutama dalam menguruskan sisa perayaan sempena musim perayaan ini. Justeru itu, beliau meminta kerjasama daripada masyarakat umum terutama di negeri Johor untuk bersama-sama pihak Kerajaan dan SWM Environment menjayakan agenda Johor Bersih dengan memanfaatkan perkhidmatan dan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang disediakan.

SWM Environment komited untuk membantu dan menyumbang kembali kepada masyarakat terutama golongan rentan melalui entiti SWM Kasih di samping melestarikan alam sekitar di bawah pelbagai inisiatif CEPA di negeri Johor sekali gus menjayakan sasaran pihak Kerajaan Negeri menerusi gagasan Maju Johor.

TAMAT

TENTANG SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Cik Livingwater a/p Ponnusamy

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Johor Selatan)

Tel : 07 – 335 6000 / 016 – 783 6759

E-mel : livingwater.ponnusamy@swmsb.com